

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN BUKU KANAK-KANAK TERJEMAHAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Lokasi : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 27-07-1991

Yang Berbahagia Datin-Datin; Dif-dif Kehormat; Tuan-tuan dan puan-puan, Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur pelancaran Buku Kanak-Kanak Terjemahan, Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka kerana menjemput saya untuk merasmikan majlis pada pagi ini.

2. Dekad 90-an yang sedang kita lalui ini mendorong kita supaya memikirkan betapa pentingnya diwujudkan warganegara Malaysia yang berkualiti dan cemerlang, agar kita dapat membangunkan sebuah masyarakat yang progresif di samping mempunyai nilai-nilai dan sikap yang positif.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Majlis yang istimewa pada pagi ini menemukan kita daripada pelbagai peringkat atau golongan masyarakat, daripada kanak-kanak hingga kepada orang-orang dewasa. Dalam interaksi seperti ini, sudah tentu orang-orang dewasa, akan menjadi objek pemerhatian kanak-kanak yang ada di sini. Kita yang dewasa merupakan "role-models" bagi generasi muda, oleh itu kita semua mempunyai peranan untuk menunjukkan amalan-amalan yang baik.

4. Yang ingin saya tekankan di sini ialah, apakah imej yang kita perlu tonjolkan atau peragakan yang positif yang kita mahu generasi muda ini ikuti? Dalam hal ini adalah baik jika kita cuba renungkan isi kandungan program yang termuat dalam Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dan Wawasan 2020, dan perbekalan-perbekalan yang diperuntukan bagi menentukan kejayaan pembangunan generasi muda kita.

5. Di dalam Program-program Pendidikan Negara penekanan dibuat untuk melahirkan warganegara yang bertanggungjawab serta bermoral, dan mempunyai nilai etika yang murni. Dalam hubungan ini saya difahamkan bahawa KEMAS, umpamanya, akan memperluas lagi programnya untuk masyarakat luar bandar, dengan menyediakan sebanyak 70 buah perpustakaan luar bandar, dan 6,120 buah TABIKA. Ini bertujuan, antara lain untuk memberi pendedahan kepada kanak-kanak kita kepada pengalaman-pengalaman serta pengetahuan yang melampaui alam sekeliling mereka.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Program pendidikan kanak-kanak sebenarnya mempunyai pertalian yang langsung dengan perkembangan industri buku kanak-kanak di Malaysia dan Program Galakan Membaca di kalangan masyarakat, khususnya kanak-kanak. Jenis buku yang di maksudkan itu ialah, buku sastera untuk kanak-kanak dan juga remaja, yang digunakan di luar bilik darjah, serta di baca pada masa lapang. Perlu juga saya tekankan di sini, buku-buku tersebut mestilah mempunyai tema yang mencerminkan aspirasi rakyat Malaysia.

7. Saya berasa agak sedih kerana masih terdapat anggota masyarakat kita yang kurang menyedari bahawa kanak-kanak memerlukan bahan bacaan yang baik. Buku-buku bacaan di samping merupakan bahan-bahan pengetahuan, juga dapat memberi galakan serta dorongan kepada kanak-kanak untuk mengetahui dengan lebih tentang alam di sekeliling mereka. Mungkin sudah ada di kalangan kita yang sudah lupa bagaimana seronoknya membaca buku cerita. Ini juga mungkin mengakibatkan mereka mempunyai sikap yang kurang mengambil berat terhadap keperluan kanak-kanak, dan dengan itu secara tidak langsung menyebabkan para penulis buku kanak-kanak dan remaja tidak begitu serius seperti penulis buku dewasa untuk terlibat dengan bahan-bahan yang mereka hasilkan.

8. Saya berharap sikap negatif ini dapat dikikis kerana kita haruslah sedar kanak-kanak juga adalah manusia yang mempunyai keperluan mereka sendiri. Oleh itu, saya berharap kesusasteraan kanak-kanak dapat dijadikan sebahagian daripada kesusasteraan Negara atau Kesusasteraan

Kebangsaan kita.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Pemupukan tabiat gemar membaca di kalangan kanak-kanak, mestilah dimulakan ketika mereka masih kecil lagi. Memanglah tidak dapat dinafikan bahawa sekolah memainkan peranan yang penting dalam pengajaran membaca, akan tetapi, kita harus juga sedar bahawa contoh daripada ibu bapa dan kawan-kawan, merupakan cara yang paling berkesan untuk memupuk kecintaan pada perkataan-perkataan yang bercetak itu. Oleh itu, setiap individu yang menjadikan buku dan majalah sebagai sumber kekayaan budaya, sumber memperolehi pengetahuan baru, dan sebagai cara memenuhkan masa lapang yang paling bermakna, mestilah sama-sama terlibat. Dalam konteks ini, saya berharap pertubuhan-pertubuhan sukarela dan pihak-pihak yang bertanggungjawab akan menyusun program pembacaan dan program pemupukan minat membaca di kalangan kanak-kanak dan remaja.

10. Saya juga berharap agar institusi-institusi dan syarikat-syarikat swasta, turut menyumbang ke arah pencapaian matlamat bagi mewujudkan masyarakat yang berbudaya membaca. Satu cara yang boleh diusahakan ialah dengan cara institusi atau syarikat berkenaan menaja perolehan bahan bacaan untuk diberikan secara percuma kepada sekolah-sekolah dan perpustakaan-perpustakaan, terutamanya yang terdapat di luar bandar. Ini semata-mata untuk membolehkan kanak-kanak daripada latar belakang sosio-ekonomi yang rendah, berpeluang memiliki ataupun membaca buku-buku itu.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Apabila bahasa Malaysia menjadi bahasa rasmi di negara kita ini, ramai di kalangan generasi kita yang terdedah pada pendidikan Inggeris, berasa ragu-ragu tentang kemampuan bahan kesusasteraan kanak-kanak berbahasa Malaysia di negara ini. Bagi sesetengah generasi itu, yang pada suatu ketika dahulu mempunyai banyak peluang menikmati buku kanak-kanak luar negeri yang bermutu dalam bahasa sumbernya, mereka khawatir pengalaman dan keseronokan yang mereka perolehi dan nikmati ketika membaca buku-buku itu pada masa lampau, tidak dapat dikongsi bersama dengan generasi muda sekarang.

12. Akan tetapi, pada hari ini, jelas telah terbukti bahawa kanak-kanak di Malaysia yang dididik dalam bahasa kebangsaannya, tidak semestinya terhalang daripada menghayati dan menikmati bahan kesusasteraan kanak-kanak luar negeri yang bermutu, kerana usaha-usaha penterjemahan karya sastera yang dilakukan oleh institusi kerajaan seperti DBP ini, menunjukkan bahawa buku yang bahasa sumbernya bahasa Jepun pun, yang sudah diterjemahkan ke dalam 15 bahasa di dunia; dan kanak-kanak kita juga boleh berbicara tentang buku ini dengan kanak-kanak di negara yang 15 itu, dengan mudah.

13. Salah satu sebab utama kita menterjemah buku kanak-kanak ialah, untuk menyebarkan kesusasteraan kanak-kanak. Ini bertujuan untuk memperluaskan persefahaman antarabangsa dan perpaduan, di samping mendedahkan pembaca-pembaca kepada idea dari negara lain yang mungkin berbeza dari negara kita. Ia juga akan dapat memberi pengalaman estetik yang baru, dan akhir sekali memungkinkan pembaca berfikir tentang perkembangan budaya di beberapa negara.

14. Dalam konteks ini, saya ingin mengingatkan para penulis dan pelukis buku kanak-kanak di Malaysia, supaya menghasilkan karya-karya yang mempunyai nilai-nilai bercorak sejagat serta ditulis dengan pengertian yang mendalam. Dengan pengeluaran mutu yang baik ini akan dapat menembusi pasaran antarabangsa.

15. Saya berharap, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan juga badan-badan lain yang berkaitan, akan mengatur program penterjemahan karya sastera kanak-kanak yang bermutu di negara ini dengan tujuan supaya ia dapat disebarluaskan di serata pelosok dunia.

Tuan-tuan dan puan-puan,

16. Marilah kita bersama-sama renungkan pepatah ini, "Kecil-kecil ditimang ibu, sudah besar ditimang gelombang". Memang benar bahawa masa depan kanak-kanak kita adalah mencabar, terutama sekali apabila mereka menjadi dewasa kelak. Saya percaya, bahawa bila gelombang itu datang kelak, sama ada kecil atau besar, kita harus telah membantu mereka menjadi manusia dewasa yang cekal, bercita-cita tinggi, berhemah dan tidak mudah berputus asa. Ini semua mungkin dapat kita lakukan jika awal-awal lagi telah kita semaikan semangat serta ilmu pengetahuan melalui bahan bacaan sastera yang bermutu. Dan, daripada kedua-dua buku yang akan saya lancarkan ini, saya yakin kanak-kanak kita akan dapat menimba seberapa banyak pengalaman, pengetahuan dan keseronokan.

17. Akhir kata, saya dengan rasa sukacitanya melancarkan kedua-dua buah buku kanak-kanak karya terjemahan ini, yang berjudul "Legenda Planet Takjub", dan "Teka Apa Yang Sedang Saya Buat!" dengan rasminya.